

# Pusat industri asas tani diwujudkan — PM

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL

UM - 9/4/2006

**Kita harap dapat kerjasama kerajaan negeri dan jika boleh kawasan sawah terbiar dibangunkan bagi tujuan industri ini**

— Abdullah Ahmad Badawi

MARDI.

Menurutnya, sebagai permulaan, pusat itu akan diwujudkan di Koridor Pantai Timur dan di utara Semenanjung sebelum diperluaskan ke kawasan-kawasan lain yang bersesuaian.

"Saya telah beritahu Tan Sri Muhyiddin Yassin (Menteri Pertan-

nian dan Industri Asas Tani) supaya kawasan baru industri asas tani mesti dirancang daripada sekarang.

"Di sebelah Pantai Timur, boleh dibuka satu atau dua, mungkin di Kelantan dan Terengganu. Di kawasan utara, Perlis dan Kedah. Di selatan Kedah, ia perlu juga meli-

batkan kawasan Seberang Prai dan Perak Utara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Ladang Boer Subur, Serting, dekat sini hari ini.

Dalam lawatan itu, beliau dibawa meninjau kawasan ternakan kambing Boer iaitu sejenis kambing kacukan.

Abdullah berkata, penubuhan pusat itu perlu dirancang teliti kerana ia akan melibatkan pemilihan lokasi, pengambilan tanah dan bilangan usahawan supaya ia benar-benar dapat digunakan sepenuhnya oleh pengusaha produk asas tani.

Katanya, pada masa ini, banyak kawasan di luar bandar telah pun mengusahakan PKS berasaskan tani tetapi ia tidak dilakukan secara setempat.

Apabila satu kawasan industri asas tani ini disediakan, katanya, mereka yang berselerak itu dapat dikumpulkan dan kemudahan yang disediakan boleh digunakan secara bersama.

"Kalau pengusaha yang beroperasi di kawasan berkenaan tidak mempunyai kemudahan pembungkusan, kita sediakan pengusaha yang mampu menyediakan

● Lihat muka 4

## Pusat industri asas tani diwujudkan — PM

khidmat pembungkusan.

"Kalau kita ada kemudahan guna sama, orang yang terlibat di kawasan industri asas tani itu tidak perlu runsing untuk mencari pembungkus produk mereka atau nak melabelkan barangan mereka kerana semua sudah ada di satu tempat," jelasnya.

Ditanya bila kawasan industri asas tani akan dibangunkan, Abdullah berkata: "Secepat mungkin, kalau boleh kelmarin kita mahu ia dibangunkan."

Katanya, untuk menjayakan rancangan itu, banyak pihak akan terlibat termasuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Perdag-

angan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna manakala Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjadi tonggaknya.

"Kita juga berharap mendapat kerjasama kerajaan negeri dan jika boleh kawasan sawah terbiar akan dibangunkan bagi tujuan industri ini," katanya.

Selepas lawatan ke ladang berkenaan, Abdullah singgah di gerai menjual jagung di Jalan Kuala Pilah, sebelum berhenti di gerai menjual lemang dan menikmati lemang serta rendang di situ.

Beliau kemudiannya singgah di gerai menjual buah *dragon* di Ulu Bendol, Kuala Pilah dan membeli beberapa kotak sebelum pulang ke ibu negara.